



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

PEMBERITAHUAN

Ruj: MPK.PS 08 / 458 (39)

PROGRAM HARI TANPA BEG PLASTIK NEGERI PERLIS

Kerajaan Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar komited dalam usaha untuk memelihara kelestarian alam sekitar serta ekosistem negara dan negeri daripada pencemaran sisa plastik dengan melaksanakan Program Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Perlis. Dengan matlamat untuk mengurang dan seterusnya mencegah penggunaan beg plastik sekali guna di kalangan pengguna, Kerajaan Negeri Perlis telah melancarkan Program Hari Tanpa Beg Plastik Peringkat Negeri Perlis pada 29 Februari 2020 melibatkan 8 kategori premis perniagaan seperti berikut :

1. Pasaraya besar (*hypermarket*),
2. Pasaraya (*supermarket*),
3. Gedung serba serbi (*departmental store*),
4. Kedai mudah beli (*convenience store*),
5. Restoran makanan segera (*fast food restaurant*),
6. Kedai mudah beli stesen minyak (*petrol station convenience store*),
7. Kedai rantaian (*chain store*) dan
8. Farmasi (*pharmacy*).

Program ini dilaksanakan secara berfasa bagi memupuk kesedaran masyarakat supaya mengubah tabiat masing-masing dengan mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna, khususnya di premis-premis perniagaan yang terlibat dengan program ini. Matlamat akhir program ini adalah larangan sepenuhnya penggunaan dan pembekalan beg plastik sekali guna kepada pelanggan.

Fasa 1 pelaksanaan program ini yang bermula pada tahun **2020** telah dijalankan secara galakan terlebih dahulu kepada 8 kategori premis perniagaan yang ditetapkan di mana premis-premis perniagaan yang berdaftar dengan program ini dibenarkan membuat kutipan caj sebanyak **RM0.20 (dua puluh sen)** bagi setiap helaian plastik yang diberikan kepada pelanggan atas permintaan pada setiap hari **Sabtu**.

Fasa 2 program ini telah diteruskan pada tahun **2021** di mana pelaksanaannya telah diperluaskan meliputi setiap hari **Sabtu dan Ahad**; juga dengan mengenakan kadar caj sebanyak **RM0.20 (dua puluh sen)**.

Seterusnya, bagi meningkatkan lagi kesedaran dan dorongan terhadap para pengguna supaya mengurangkan lagi permintaan terhadap beg plastik sekali guna di premis-premis perniagaan yang terlibat, Kerajaan Negeri Perlis baru-baru ini telah bersetuju menetapkan fasa-fasa seterusnya pelaksanaan Program Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Perlis seperti berikut :

- **Fasa 3** : Mulai **April 2024**, pengenaan fi sebanyak **RM0.50 (lima puluh sen)** bagi setiap helai beg plastik sekali guna yang dibekalkan kepada pelanggan pada setiap hari **Jumaat, Sabtu dan Ahad**.
- **Fasa 4** : Mulai **Januari 2025**, pengenaan fi sebanyak **RM1.00 (satu ringgit)** bagi setiap helai beg plastik sekali guna yang dibekalkan kepada pelanggan pada setiap hari **Jumaat, Sabtu dan Ahad**.
- **Fasa 5** : Mulai **Januari 2026**, pengenaan fi sebanyak **RM2.00 (dua ringgit)** bagi setiap helai beg plastik sekali guna yang dibekalkan kepada pelanggan pada **setiap hari**.
- **Fasa 6** : **Larangan sepenuhnya** ke atas pengeluaran beg plastik sekali guna kepada pelanggan akan dikuatkuasakan **mulai satu tarikh yang bersesuaian yang akan ditetapkan kemudian oleh Kerajaan Negeri**.

Pihak Majlis ingin menekankan bahawa kutipan fi ini bukan bertujuan untuk mengambil kesempatan ke atas pengguna ataupun mencari keuntungan, sebaliknya fi yang dikenakan adalah bertujuan untuk menggalak dan mendorong masyarakat supaya tidak meminta atau menggunakan beg plastik sekali guna di premis-premis perniagaan berkenaan. Sekiranya tidak mahu dikenakan fi berkenaan, para pengguna mempunyai pilihan dengan membawa sendiri beg yang sesuai yang boleh diulang guna semasa membeli-belah di premis-premis berkenaan.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri turut meluluskan Undang-Undang Kecil Fi Plastik (Majlis Perbandaran Kangar) 2024 di mana semua premis perniagaan yang tergolong di dalam 8 kategori tersebut kini diwajibkan mendaftar dengan Majlis Perbandaran Kangar bagi melaksanakan program ini mengikut fasa-fasa seperti yang ditetapkan.

Setakat tarikh 1 April 2024, sejumlah 33 buah premis perniagaan telahpun mendaftar dengan pihak MPK bagi menjalankan program ini. Proses pendaftaran ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kesemua premis yang berkaitan mendaftar dan seterusnya melaksanakan program ini. Premis-premis yang telah mendaftar akan diberikan Sijil Pendaftaran yang perlu dipamerkan di premis masing-masing bagi menunjukkan bahawa premis tersebut dibenarkan membuat kutipan fi seperti yang ditetapkan.

Dengan berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini juga, semua kutipan fi beg plastik yang dibuat oleh premis-premis perniagaan tersebut akan disalurkan ke dalam sebuah Akaun Amanah yang diselia oleh Majlis Perbandaran Kangar dan jumlah yang terkumpul di dalam Akaun Amanah ini akan digunakan untuk tujuan kempen-kempen kesedaran dan program-program yang berkaitan dengan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar.

Justeru itu, Majlis Perbandaran Kangar menyeru dan mengajak seluruh lapisan masyarakat supaya mengurang atau mengelakkan terus penggunaan beg plastik sekali guna dan bertukar kepada beg guna semula yang boleh digunakan berulang kali ketika membeli belah. Semoga dengan usaha ini, kita sama-sama dapat membantu memelihara dan menyelamatkan alam sekitar kita daripada terus terancam oleh pencemaran sisa plastik

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**
Tarikh : 01 April 2024.